

SIARAN MEDIA

KETUA MENTERI RASMI TAMAN REKREASI YANG TELAH DINAIKTARAF

BUKIT MERTAJAM, 30/7/2013: Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng merasmikan Taman Rekreasi PBAPP Bukit DO yang telah dinaik-taraf dan memberi manfaat kepada lebih 220,000 penduduk yang tinggal di sekitarnya.

Y.A.B. Lim mengucapkan tahniah kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) yang telah menyempurnakan kerja-kerja menaik-taraf yang telah dibiayainya dalam tempoh enam bulan.

“Pada bulan Januari 2013, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyatakan yang taman ini akan siap pada bulan Julai. Jadi, itulah sebabnya kita berkumpul di sini, pada bulan Ramadan ini, untuk menyaksikan perasmianya,” kata beliau di dewan terbuka taman yang telah diubahsuai. “Ini bagi kita, makna sebenar janji ditepati”.

Awal tahun ini, pada 11 Januari 2013, Y.A.B. Lim merasmikan majlis pecah tanah projek itu. Kerja-kerja naik-taraf telah dibiayai oleh PBAPP. Komponen utama kerja-kerja naik-taraf adalah:

1. Dewan terbuka;
2. Laluan untuk pejalan kaki, *jogging* dan berbasikal;
3. Pembinaan trek *Jogging*;
4. Jungle track;
5. Pembinaan platform cerapan;
6. Tandas awam;
7. Pembinaan wakaf;
8. Kawasan letak kereta, motosikal dan bas yang baru;
9. Tangki air baru;

10. Rumah pam yang baru;
11. Peralatan senaman yang baru;
12. Kerja-kerja landskap;
13. Papan tanda;
14. Pagar yang baru;
15. Longkang baru.

Y.A.B. Lim berkata penajaan oleh PBAPP adalah satu sikap terpuji oleh sebuah syarikat bekalan air. "Saya berharap ini akan memberi inspirasi kepada lebih banyak organisasi korporat tempatan untuk memberikan semula sesuatu yang baik kepada rakyat negeri Pulau Pinang," katanya.

"Projek naik-taraf taman ini juga adalah satu daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Kini, apabila taman ini telah dinaiktarafkan, ia akan diserahkan kepada MPSP, dan akan diselenggarakan oleh MPSP untuk manfaat rakyat," kata beliau.

Ketua Menteri berkata projek Taman Rekreasi PBAPP Bukit DO adalah selaras dengan program oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mewujudkan "Pulau Pinang yang Bersih dan Hijau".

"Seperti anda, Kerajaan Negeri Pulau Pinang percaya mengamalkan cara hidup sihat di Pulau Pinang adalah penting. Kita menaik-taraf taman ini kerana kita faham bahawa anda boleh membeli rumah atau kereta yang lebih besar, tetapi anda tidak boleh membeli taman awam yang lebih baik.



“Justeru itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, bersama-sama dengan PBAPP dan MPSP, berbangga untuk menghadiahkan anda dengan taman yang baru dan lebih baik di sini, di Bukit Mertajam,” kata beliau dalam ucapannya di hadapan mereka yang terdiri daripada pejalan kaki, joggers, penunggang basikal, pengamal tai-chi dan yoga.

Dalam pada itu, Pengurus Besar PBAPP, Ir. Jaseni Maidinsa berkata PBAPP telah menjalankan dan menaja projek itu kerana “ia adalah projek hijau yang mesra rakyat”.

“PBAPP berbangga untuk menghadiahkan kepada semua sebuah persekitaran hijau untuk aktiviti jalan kaki, berjogging, berbasikal dan aktiviti rekreasi sihat yang lain. Apa yang kita minta daripada anda adalah untuk menikmatinya, menjaganya dan kongsikan dengan keluarga dan rakan-rakan. Anggaplah ia sebagai ‘hadiah untuk kesihatan yang baik’ dari PBAPP,” tambah beliau lagi.

(ends)